



**LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN  
RABU 20 MEI 2026**

BIL.	TAJUK KERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1.	BUKU PANDUAN PERKUKUH ILMU KOMUNITI PELADANG, NAFAS BAJAKIMIA LANCAR BUKU PANDUAN PEMBAJAAN, BISNES, SINAR HARIAN, M/S – 30	PERTUBUHAN PELADANG KEBANGSAAN (NAFAS)
2.	KULAT GELAM BERMUSIM, JADI BURUAN PENDUDUK, DALAM NEGERI, UTUSAN MALAYSIA, M/S – 29	LAIN – LAIN
3.	AMEGILLA CINGULATA: SERANGGA METALIK YANG MENYELAMATKAN TANAMAN KITA, RENCANA, UTUSAN MALAYSIA, M/S – 16	
4.	IKAN LAGA 'SANGAT TERANCAM' DILEPAS KE HABITAT ASAL, KOMUNITI KITA, UTUSAN MALAYSIA, M/S – 28	

UKK KPKM

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT  
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN  
(UNTUK EDARAN DALAMAN KPKM, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

# Buku panduan perkukuh ilmu komuniti peladang

NAFAS Bajakimia lancar buku panduan pembajaan

Oleh IZWAN ROZLIN

**MUAR** - NAFAS Bajakimia Sdn Bhd (NBKSB) menerbitkan Buku Panduan Pembajaan Tanaman Komoditi dengan Baja Peladang sebagai usaha memperkukuh perannya dalam pembangunan sektor pertanian negara serta pemindahan ilmu kepada komuniti peladang.

Ketua Pegawai Eksekutif NBKSB, Zalifudin Md Arshad berkata, NAFAS Bajakimia bukannya sekadar pembekal input pertanian, sebaliknya turut komited sebagai rakan pembangun ilmu kepada komuniti peladang.

Menurutnya, buku berkenaan dihasilkan sebagai panduan praktikal untuk membantu meningkatkan kefahaman terhadap amalan pembajaan yang lebih efektif dan



Zalifudin (dua dari kiri) ketika melancarkan Buku Panduan Pembajaan Tanaman Komoditi dengan Baja Peladang di Muar Johor baru-baru ini.

memberi impak kepada hasil tanaman.

"Buku tersebut dibangunkan menerusi kerjasama strategik bersama Fakulti Perladangan dan Agroteknologi, Universiti Teknologi Mara Cawangan Melaka

Kampus Jasin sebagai rakan akademik dan teknikal dalam pembangunan kandungan.

"Kerjasama itu mencerminkan komitmen antara industri dan institusi akademik dalam memperkukuh usaha pemindahan ilmu

kepada sektor pertanian negara," katanya.

Buku panduan itu dilancarkan sempena Festival Agro MADANI Peladang @ NAFAS Mall di sini pada Jumaat.

Majlis pelancaran disempurnakan

kan Timbalan Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan, Datuk Chan Foong Hin.

Turut hadir Pengurus Besar Pertubuhan Peladang Kebangsaan, Muhammad Faris Ariffin; wakil-pengurusan kanan NAFAS, rakan strategik, pengedar dan komuniti peladang.

Zalifudin berkata, festival tersebut turut menjadi platform strategik kepada NBKSB untuk mendekati jenama Baja Peladang kepada masyarakat melalui pendekatan lebih inklusif dan mesra komuniti.

Menurut beliau, NBKSB turut memperkenalkan rangkaian Baja PELADANG termasuk produk yang dilengkapi teknologi NUE (Nutrient Uptake Enhancer).

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
20/5/2026	UTUSAN MALAYSIA	DALAM NEGERI	29

# Kulat gelam bermusim, jadi buruan penduduk

**SETIU:** Kemunculan kulat selepas hujan membawa rezeki kepada pencari kulat gelam apabila tumbuhan liar bermusim itu mula tumbuh subur di kawasan pokok gelam di sekitar daerah ini.

Seorang penduduk, Nur Saniah Ismail, 27, berkata, sejak Khamis lalu ramai penduduk mengambil peluang masuk ke kawasan hutan dan paya bagi mencari makanan tradisional yang semakin sukar ditemukan itu.

Katanya, kulat gelam lazimnya mula tumbuh selepas tiga hingga empat hari hujan terutama selepas keadaan cuaca panas.

“Kulat gelam tumbuh secara semula jadi di bawah pokok gelam dan hanya muncul ketika musim tertentu. Setiap hari kami cari dan mampu memperoleh sehingga 50 kilogram.

“Kulat ini makanan orang kampung sejak dulu dan ramai sanggup mencarinya walaupun perlu masuk kawasan semak semata-mata untuk mendapatkannya,” katanya ketika ditemui *Utusan Malaysia* di Kampung Bukit Kemudu di sini, semalam.

Nur Saniah berkata, kulat tersebut perlu dibersihkan dan direbus selama satu hingga dua jam bagi bagi menghilangkan rasa pahit selain memastikan ia tahan lebih lama.



**NUR Saniah Ismail menunjukkan kulat gelam yang siap diproses dan dibungkus untuk dijual di Kampung Bukit Kemudu, Setiu, Terengganu. - UTUSAN/WAN ZURATIKAH IFFAH WAN ZULKIFLI**

Katanya, kulat berkenaan yang direndam air dan disimpan secara sejuk beku mampu bertahan sehingga setahun.

Menurutnya, kulat gelam sering dimasak lemak cili api, kerabu mahupun dibuat kulat air asam yang merupakan lauk tradisional kegemaran masyarakat Pantai Timur ketika musim hujan.

“Permintaan terhadap kulat gelam semakin meningkat

terutama selepas jualannya dipromosikan menerusi Facebook meskipun golongan muda tidak terlalu mengenali makanan ini namun ada dalam kalangan mereka yang membelinya untuk ibu bapa.

“Saya jual kulat gelam yang telah siap diproses sekitar RM5 bagi 500 gram dan biasanya dalam tempoh satu atau dua hari sahaja sudah habis dijual,” katanya.

## SEMPENA HARI LEBAH SEDUNIA

# Amegilla cingulata: Serangga metalik yang menyelamatkan tanaman kita



HAMDAN ABU

**S**ERANGGA bersayap yang abdomennya berwarna dan berkilat seperti warna metalik mungkin jarang dilihat di sekitar kita. Namun jika diperhatikan secara tekun di celah bunga-bunga liar yang kecil, kadangkala terdapat seekor serangga berjalur biru metalik terbang pantas sambil mengeluarkan dengung yang kuat.

Ahli Entomologi mengenai serangga ini sebagai *Amegilla cingulata* atau *Blue-banded Bee*.

Isa sering dipanggil 'lebah hijau' oleh masyarakat tempatan.

Warna serangga ini jika di bawah cahaya tertentu, boleh berubah menjadi biru-ferus atau kehijauan akibat fenomena pantulan cahaya yang dikenali sebagai pendarcahaya. Sebagai perbandingan, kesan optik pendarcahaya yang sama juga boleh dilihat pada sayap pempatung dan bulu sesetengah burung seperti burung raja udang.

Spesies lebah soliter ini berasal dari Australia dan juga ditemui di beberapa wilayah Asia Tenggara termasuk di Malaysia.

Lebah ini mempunyai ciri khas toraks berbulu lebat berwarna keemasan atau coklat kemerahan serta abdomen hitam dengan jalur-jalur metalik yang menarik perhatian. Jalur biru pada abdomen berasal daripada struktur mikro pada rambut badan yang memantulkan cahaya.

Lebah biru lebih aktif pada waktu panas dan cahaya terang. Penerbangannya sangat pantas sehingga sukar dilihat walau pada jarak dekat apatah lagi difokuskan oleh lensa kamera biasa.

Tidak seperti lebah madu dan kelulut, lebah *Amegilla cingulata* lebih besar, berbadan tegap dan mempunyai gaya penerbangan berliku-liku yang sangat pantas. Ia jarang hinggap lama pada sesuatu kuntum bunga.

Dalam beberapa saat sahaja, serangga ini berpindah dari satu bunga ke bunga lain untuk menghisap nektar dan debunga.

Pemerhatian saya mendapati serangga ini lebih gemar bunga-bunga halus berbanding bunga berkelopak besar dan tebal seperti bunga raya.

Bayangkan keupayaannya, walaupun kecil, ia mampu mengepak sayapnya sekitar 200 hingga 250 kali sesaat.

Kelajuan ini bukan sahaja membolehkannya terbang pantas, malah menghasilkan getaran kuat ketika mengutip debunga. Kadangkala seluruh kuntum bunga kecil turut bergoyang ketika sedang menghisap madu.

Lebah ini lazim ditemui di kawasan panas dan terbuka seperti kebun, padang rumput, taman rumah dan tepi hutan. Ia gemar mengunjungi bunga-bunga kecil liar yang kaya nektar. Pemerhatian di lapangan menunjukkan ia lebih kerap mendatangi bunga halus berbanding bunga besar yang mempunyai kelopak tebal.

Berbeza seperti lebah madu yang hidup berkoloni di dalam sarang besar, *Amegilla cingulata* ialah lebah solitari. Setiap ekor lebah betina hidup bersendirian tanpa ratu dan tanpa pekerja. Ia juga tidak menghasilkan madu untuk disimpan. Sebaliknya, lebah betina menggali lubang kecil di dalam tanah atau tebing berpasir sebagai sarangnya.

Di dalam lubang tersebut, lebah betina menyediakan ruang kecil berisi campuran debunga dan nektar sebelum meletakkan telur. Apabila telur menetas, larva akan memakan bekalan makanan itu sehingga membesar sebelum bertukar menjadi pupa dan akhirnya keluar sebagai lebah dewasa.

Walaupun hidup sendirian, lebah ini memainkan peranan besar dalam ekosistem sebagai agen pendebunga. Antara tanaman yang sangat bergantung kepada pendebunga oleh lebah hijau ini ialah tomato, cili, lada dan terung.

Menariknya, *Amegilla cingulata* mempunyai kebolehan khas yang tidak dimiliki oleh kebanyakan serangga lain iaitu melakukan pendebunga gegaran.

Ketika hinggap pada bunga tertentu, lebah ini akan menggetarkan otot penerbangannya dengan sangat pantas sehingga seluruh bunga bergegar. Gegaran ini menyebabkan



## FAKTA MENARIK LEBAH BIRU

- » Jangka hayat antara satu hingga tiga bulan sahaja.
- » Antara pendebunga terbaik tanaman tomato.
- » Mampu melakukan pendebunga dengung yang tidak dapat dilakukan oleh kebanyakan kelulut atau lebah biasa.
- » Jalur biru pada abdomen berasal daripada struktur mikro pada rambut badan yang memantulkan cahaya.
- » Lebih aktif pada waktu panas dan cahaya terang.
- » Penerbangannya sangat pantas sehingga sukar difokuskan kamera biasa.



debunga keluar daripada anter bunga seperti debu halus. Teknik ini sangat berkesan untuk tanaman daripada keluarga *Solanaceae* seperti tomato dan terung. Sebab itulah dengung lebah ini kedengaran lebih kuat berbanding lebah biasa.

Kajian menunjukkan kehadiran lebah biru di ladang tomato dan cili mampu meningkatkan hasil tuaian sehingga 30 peratus lebih tinggi berbanding kawasan yang hanya bergantung kepada angin atau serangga lain.

Tanpa bantuan lebah solitari ini, kualiti buah mungkin merosot, saiznya lebih kecil dan biji benih yang dihasilkan tidak bermutu tinggi.

Walaupun memiliki sengat, namun *Amegilla cingulata* bukanlah spesies agresif kecuali apabila dipegang atau diganggu.

Proses pembiakannya juga menarik. Lebah jantan biasanya mencari betina berhampiran kawasan bunga untuk mengawan. Apabila menemui pasangan, jantan akan mengejar betina di udara sebelum hinggap dan mengawan dalam posisi jantan berada di atas badan betina. Selepas itu, betina akan memulakan tugas membina sarang dan menjaga generasi baharu secara sendirian.

Jangka hayat lebah dewasa ini sebenarnya tidak panjang, sekitar satu hingga tiga bulan sahaja. Namun dalam tempoh singkat itu, seekor lebah mampu mengunjungi ribuan bunga dan membantu proses pendebunga pelbagai tumbuhan. Ia juga agen pendebunga yang efisien selepas lebah dan kelulut.

Lebah seperti ini penting untuk membungkakan pokok-pokok yang bunganya halus yang tidak mampu dilakukan oleh serangga besar seperti lebah tukang dan kupu-kupu.

Di samping itu, lebah kecil, *Amegilla cingulata* membuktikan alam mempunyai

pekerja-pekerja halus yang amat penting kepada keseimbangan ekosistem dan sumber makanan manusia.

Tanpa kehadiran pendebunga seperti lebah ini, banyak tumbuhan berbunga dan tanaman pertanian akan menghadapi kesukaran untuk menghasilkan buah dan biji benih yang secara berterusan boleh mengganggu proses keterjaminan makanan.

Walaupun ia tidak menghasilkan madu, lebah biru ini tetap menjadi antara spesies paling berharga pada alam semula jadi. Bagaimanapun, spesies kecil seperti ini sangat terdedah kepada bahaya persekitaran.

Antaranya ialah penggunaan racun serangga yang digunakan di kebun dan ladang-ladang. Racun bukan sahaja membunuh serangga perosak tetapi turut mengorbankan serangga-serangga pendebunga.

Begitu juga apabila berlaku kebakaran terbuka atau kebakaran hutan. Ia bukan sahaja membunuh lebah secara individu tetapi memusnahkan sarang dan warisan.

Selain itu, amalan pertanian monokultur (penanaman satu jenis tanaman sahaja) menyebabkan lebah ini kekurangan sumber makanan sepanjang tahun. Apabila musim berbunga tamat, lebah biru kehilangan sumber nektar.

Kehilangan habitat akibat pembersihan tanah yang drastik turut memusnahkan tebing-tebing tanah yang menjadi lokasi utama spesies cantik itu membina sarang.

Memandangkan jangka hayat lebah dewasa ini singkat, kelangsungan spesiesnya amat bergantung kepada persekitaran yang mesra alam.

Petani dan pemilik taman rumah digalakkan untuk mengekalkan kawasan tanah yang sedikit terbuka dan tidak diganggu untuk membolehkan lebah dan serangga pendebunga lain bersarang.

Penanaman pelbagai jenis bunga tempatan juga sangat membantu membekalkan makanan berterusan kepada serangga-serangga itu.

HAMDAN Abu ialah penulis sambutan

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
20/5/2026	UTUSAN MALAYSIA	KOMUNITI KITA	28

## Ikan laga 'sangat terancam' dilepas ke habitat asal

SEBANYAK 327 spesies ikan laga mikroendemik *Betta Persephone* yang hanya ditemui secara semula jadi di Hutan Taman Negeri Ayer Hitam Utara, Muar Johor, berjaya dilepaskan semula ke habitat asalnya menerusi usaha konservasi yang diketuai oleh Prof. Madya Ts. Dr. Muhammad

Abdul Latiff Abu Bakar dari Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM).

Beliau bersama pasukan SEA LIFE Legoland Malaysia, dengan kerjasama Jabatan Perhutanan Negeri Johor dan Jabatan Perikanan Negeri Johor mencipta sejarah tersendiri apabila aktiviti

pelepasan ikan itu menjadi program terbesar pernah direkodkan di dunia, sekaligus menjadi simbol kejayaan konservasi spesies hampir pupus yang hanya wujud di hutan paya gambut Johor.

■ MAJLIS pelepasan ikan laga *Betta Persephone* baru-baru ini.

